

**SKEMA JAWAPAN
MODUL PERCUBAAN TASAWWUR ISLAM
SPM TAHUN 2025**

Bahagian A

[20 markah]

1	Qadak	11	Pembuktian@Bukti/Kesaksian@Saksi
2	Al-Quran	12	Pembuktian@Bukti/Kesaksian@Saksi
3	Ta'awun	13	Al-Amanah/Al-Tabligh
4	Qazaf	14	Al-Amanah/Al-Tabligh
5	Rasul	15	80
6	Khalifah	16	40
7	Nyawa	17	X
8	Syumuliyah	18	√
9	Al-Rahnu	19	X
10	Al-Ijarah	20	√

[80 markah]

Bahagian B

1.	(a)	i. Maksud Ihsan dalam Islam. Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah (1m) semata-mata kerana Allah SWT (1m).	2x1m [2 markah]
		ii. Contoh aplikasi nilai Ihsan dalam kehidupan. 1. Belas kasihan kepada haiwan (1m) kerana Allah SWT Maha Pengasih dan Maha Penyayang (1m). 2. Berbuat baik sesama manusia (1m) supaya mendapat ganjaran di akhirat (1m). 3. Bercakap perkara yang baik (1m) kerana Allah SWT Maha Mendengar (1m). * Jawapan munasabah diterima.	2x1m [2 markah] I + H
	(b)	Tindakan yang boleh kita lakukan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup 1. Mendalami ilmu asas Islam yang terdiri daripada akidah, syariat dan akhlak (2m). 2. Menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam segala tindakan (2m). 3. Menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW (2m). 4. Menghayati dan melaksanakan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan (2m). 5. Menghayati sirah perjuangan para sahabat dan <i>salafusoleh</i> (2m). 6. Membaca, menghayati dan mengamalkan al-Quran (2m).	1x2m [2 markah]

	(c)	i. Satu contoh ibadah wajib yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu. 1. Solat fardu (1m) 2. Puasa Ramadan/puasa (1m). 3. Mengeluarkan zakat/zakat (1m). 4. Mengerjakan haji/haji (1m).	1x1m [1 markah]
		ii. Seorang Muslim boleh mengimbangkan antara tuntutan kerja dan ibadah wajib. Contoh jawapan: Seseorang muslim perlu mengutamakan ibadah wajib terlebih dahulu (I) agar pekerjaan serta rezeki yang diterima mendapat keberkatan Allah SWT (H1) Hal yang demikian, mereka perlu bijak merancang waktu serta berdisiplin dalam pengurusan masa (H2). Kesannya, dapat menyeimbangkan antara tuntutan dunia dan akhirat (HL). Kesimpulannya kita hendaklah bijak mengatur perjalanan hidup agar dirahmati oleh Allah SWT (K).	5x1m [5 markah] I + H1 + H2 + HL + K
	(d)	Dua jenis pemilikan harta. 1. Hak milik individu/individu/peribadi (1m). 2. Hak milik umum/umum (1m). 3. Hak milik negara/negara (1m).	2x1m [2 markah]
	(e)	i. Kesan pekerjaan yang haram terhadap individu. 1. Dilaknat Allah SWT (1m) kerana mengingkari syariat (1m). 2. Dibenci masyarakat (1m) kerana melakukan kerja yang buruk (1m).	2x1m [2 markah] I + H
		ii. Dua implikasi hidup tanpa pekerjaan terhadap negara. 1. Merugikan tenaga kerja (1m) yang menyebabkan ekonomi merosot (1m). 2. Ekonomi negara merosot (1m) disebabkan hilang sumber pendapatan (1m).	2x2m [4 markah] I + H
2.	(a)	i. Maksud Insan. Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal (1m) dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam (1m).	2x1m [2 markah]
		ii. Dua proses kejadian insan selepas alaqah. 1. Mudghah (embrio) (1m). 2. 'Izam dan Lahm (embrio) (1m). 3. Janin (fetus) (1m). 4. Bayi (infant) (1m).	2x1m [2 markah]

	(b)	i. Keistimewaan insan. 1. Dikurniakan akal fikiran (1m) untuk berfikir (1m). 2. Diutuskan rasul sebagai pembimbing (1m) ke arah kebenaran (1m). 3. Diberikan kitab sebagai panduan (1m) agar tidak sesat (1m) 4. Diberi tanggungjawab sebagai khalifah (1m) untuk memakmurkan alam (1m).	2x1m [2 markah] I + H
		ii. Dua kepentingan Islam mewajibkan umatnya memelihara fitrah kejadian insan. 1. Dapat memakmurkan bumi (1m) agar tidak berlaku kerosakan (1m). 2. Menerima kebenaran dan menolak kebatilan (1m) agar hidup bahagia (1m). 3. Membentuk kehidupan yang aman dan harmoni (1m) yang diredai Allah SWT (1m) 4. Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan (1m) berlandaskan syariat (1m). 5. Mendapat keredhaan dan petunjuk Allah SWT (1m) agar bahagia dunia dan akhirat (1m).	2x2m [4 markah] I + H
	(c)	i. Dua keunggulan sistem perundangan Islam. 1. Ciptaan Allah yang bersih (1m) daripada sebarang kelemahan dan dorongan hawa nafsu (1m). 2. Bersifat lengkap (1m) kerana merangkumi semua aspek kehidupan manusia (1m). 3. Hukuman yang adil (1m) tanpa mengira pangkat dan keturunan (1m). 4. Sesuai untuk semua manusia (1m) tanpa mengira kaum, tempat dan zaman (1m). 5. Bersifat tetap dan kekal sehingga hari kiamat (1m) tanpa berlaku perubahan (1m) 6. Hukuman bersifat memberi pengajaran (1m) supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama (1m) 7. Didik jiwa manusia (1m) supaya takut akan pembalasan Allah SWT (1m).	2x1m [2 markah] I + H
		ii. Cara Islam memelihara nyawa. 1. Menyuruh umatnya menjaga kesihatan diri (1m) seperti makan makanan yang halal dan baik (1m). 2. Melarang umatnya terlibat dengan kegiatan yang merbahaya (1m) seperti lumba haram (1m). 3. Melarang perbuatan bunuh diri dan orang lain (1m) kerana ia berdosa besar (1m). 4. Mensyariatkan hukuman qisas kepada pembunuh (1m) supaya wujud keadilan (1m).	2x1m [2 markah] I + H



	(d)	Cara Islam memelihara umatnya daripada terjebak dengan gejala di atas. Contoh jawapan: Islam telah melarang umatnya menceroboh harta orang lain (I) sama ada dengan mencuri atau meragut (H1) kerana ia menghasilkan pendapatan yang haram (H2). Kesannya, dengan mematuhi larangan tersebut manusia akan hidup aman tenteram (H3) tanpa sebarang kes jenayah (H4) Kesimpulannya, kita hendaklah mematuhi syariat Islam agar kesejahteraan hidup terjamin (K).	6x1m [6 markah] I + H1 + H2 + H3 + H4 + K
3.	(a)	Empat sumber utama sistem sosial Islam. 1. Al-Quran (1m). 2. Al-Sunnah/Hadis (1m). 3. Al-Ijmak (1m). 4. Al-Qias (1m).	4x1m [4 markah]
	(b)	i. Dua ciri kekeluargaan Islam. 1. Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT (1m). 2. Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik (1m) 3. Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing (1m). 4. Sentiasa berkomunikasi secara positif (1m). 5. Sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain (1m).	2x1m [2 markah]
		ii. Peranan anda terhadap ibu bapa. Contoh jawapan: Saya akan berbakti kepada ibu bapa (I) kerana mereka telah mendidik saya dengan baik sejak kecil (HR). Kesannya saya akan menjadi anak yang soleh dan solehah (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah mentaati ibu bapa agar hidup diredhai oleh Allah SWT (K).	4x1m [4 markah] I + HR + HL + K
	(c)	i. Dua prinsip tadbir urus dalam Islam. 1. Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis (1m). 2. Mengamalkan konsep keadilan dalam pentadbiran (1m). 3. Urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep syura (1m). 4. Berteraskan nilai-nilai akhlak (1m). 5. Berasaskan keimanan kepada Allah SWT (1m). 6. Pentadbir sebagai pemegang amanah (1m). 7. Bermatlamatkan dunia dan akhirat (1m).	2x1m [2 markah]
		ii. Satu tindakan bagi merealisasikan tadbir urus Islam dalam organisasi. 1. Mengadakan mesyuarat dalam segala urusan (1m) agar keputusan terbaik dapat dibuat (1m). 2. Menjaga kebajikan setiap pekerja (1m) supaya mereka rasa dihargai (1m). 3. Memberi kerjasama dalam menyelesaikan tugas (1m) agar hasil	2x1m [2 markah] I + H

		kerja lebih baik (1m). 4. Memberi penghargaan kepada staf cemerlang (1m) supaya mereka bersemangat untuk bertugas lebih baik (1m).	
		iii. Kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap individu. 1. Menimbulkan nilai keimanan dan ketakwaan (1m) agar dapat menjalankan tugas dengan amanah (1m). 2. Menjaga hubungan baik antara ketua dengan ahli-ahlinya (1m) agar dapat bekerja dengan baik (1m). 3. Menjalankan urusan dengan penuh amanah dan tanggungjawab (1m) agar tidak berlaku penyelewengan (1m).	2x1m [2 markah] I + H
		iv. Dua kesan mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat. 1. Mengabaikan amanah yang diberikan (1m) dalam melaksanakan tanggungjawab (1m). 2. Hilang sokongan daripada orang bawahan (1m) kerana tidak berintegriti (1m). 3. Berlaku pertelingkahan (1m) antara pekerja dan majikan (1m). 4. Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara (1m) kerana tidak cekap mentadbir (1m).	2x2m [4 markah] I + H
4.	(a)	i. Maksud akhlak menurut Islam. Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam (2m).	1x2m [2 markah]
		ii. Dua ciri akhlak menurut Islam. 1. Berdasarkan Al-Quran dan al-Sunnah (1m) 2. Berlandaskan fitrah kejadian manusia (1m). 3. Meliputi semua aspek kehidupan (1m). 4. Tetap dan tidak berubah sepanjang zaman (1m).	2x1m [2 markah]
	(b)	Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam. 1. Sesuai dengan fitrah dan akal manusia (1m) yang sentiasa memerlukan bimbingan (1m). 2. Bersifat jelas dan praktikal (1m) yang mampu diamalkan (1m). 3. Sesuai dengan peranan sebagai khalifah (1m) bagi memakmurkan alam (1m). 4. Keseimbangan (1m) antara dunia dan akhirat (1m). 5. Mementingkan budaya ilmu (1m) bagi membina tamadun (1m). 6. Rahmat bagi sekalian alam (1m) untuk semua makhluk (1m).	2x2m [4 markah] I + H
	(c)	i. Maksud Institusi Kewangan Islam. Badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber-sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam (2m).	1x2m [2 markah]

		ii. Dua peranan perbankan Islam. 1. Menyediakan urusan perbankan Islam yang patuh syariah (2m). 2. Mempromosikan produk-produk kewangan Islam (2m).	2x2m [4 markah]
	(d)	i. Punca berlakunya masalah tersebut. 1. Kurang peka/kurang pengetahuan dengan perkembangan semasa berkaitan dengan jenayah ini (1m). 2. Tamak/terlalu mengejar kemewahan (1m).	1x1m [1 markah]
		ii. Cara mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan tersebut. Contoh jawapan: Berhati-hati apabila dihubungi oleh orang yang tidak dikenali (I) agar tidak mudah terpedaya dengan tawaran yang dikemukakan (H1) seperti makluman cabutan bertuah dan sebagainya (H2). Hal ini boleh menyebabkan seseorang yang terpedaya akan kerugian wang untuk mendapatkan tawaran yang diberi (H3). Kesannya, kerugian terjadi dan boleh menjejaskan kehidupan (H4). Oleh itu, kita hendaklah mengambil tahu situasi penipuan yang berlaku sekitar kita agar tidak terjebak dengan perkara tersebut (K).	5x1m [5 markah] I + H1 + H2 + HL + K
5.	(a)	i. Maksud akal. Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia (1m) untuk membezakannya dengan haiwan (1m).	2x1m [2 markah]
		ii. Keistimewaan al-Quran. 1. Kandungan al-Quran benar (1m) tanpa sebarang keraguan (1m). 2. Kandungan dan hukum al-Quran kekal (1m) sehingga hari kiamat (1m). 3. Panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek (1m) seperti akidah, ibadah, akhlak dan lain-lain (1m). 4. Membaca dan mendengar al-Quran mendapat pahala (1m) kerana dikira sebagai ibadah (1m).	2x1m [2 markah] I + H
	(b)	Tanggungjawab anda sebagai khalifah Allah SWT dalam memulihara alam. Contoh jawapan: Saya akan mengembalikan kelestarian alam semulajadi (I) dengan tidak membuang sampah merata-rata (H1) agar kehidupan flora dan fauna terpelihara (H2). Hal ini kerana, pemeliharaan alam sekitar amat penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem (H3). Kesannya, semua hidupan dapat hidup dalam keadaan selamat dan sejahtera (H4). Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga alam ciptaan Allah SWT dengan baik agar mendapat manfaat daripadanya (K).	6x1m [6 markah] I + H1 + H2 + H3 + HL + K

	(c)	i. Dua matlamat sistem kehakiman Islam. 1. Menegakkan keadilan (1m). 2. Menentang kezaliman (1m). 3. Membela orang yang dizalimi (1m).	2x1m [2 markah]
		ii. Dua jenis hukuman jenayah dalam Islam beserta contohnya. 1. Hudud (1m) contohnya zina, qazaf, minum arak (1m). 2. Qisas (1m) contohnya membunuh dengan sengaja, mencederakan anggota badan (1m). 3. Takzir (1m) contohnya khalwat, mengganggu ketenteraman awam (1m). 4. Diat (1m) contohnya diat ringan, diat berat (1m).	2x2m [4 markah] I + C
	(d)	Dua cara anda menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah 1. Mematuhi peraturan agama (1m) seperti menunaikan solat dan menutup aurat (1m). 2. Menuntut ilmu yang bermanfaat (1m) seperti ilmu fardu ain dan fardu kifayah (1m). 3. Mengisi masa dengan perkara berfaedah (1m) seperti membaca dan beriadah (1m). 4. Memilih rakan yang baik (1m) seperti rakan yang berakhlak mulia (1m). * Jawapan munasabah diterima	2x2m [4 markah] I + H
6.	(a)	Empat garis panduan hiburan menurut Islam. 1. Bertujuan untuk perkara kebaikan (1m). 2. Betulkan niat mengadakan program untuk mendapat keredaan Allah SWT (1m). 3. Program mendapat kelulusan pihak berkuasa (1m). 4. Memakai pakaian sopan dan menutup aurat (1m). 5. Tiada pergaulan bebas lelaki dengan perempuan (1m). 6. Lirik lagu tidak bercanggah dengan syarak (1m). 7. Gaya persembahan tidak mengundang maksiat (1m). 8. Menghormati waktu solat (1m). 9. Amanah terhadap wang yang dikumpul daripada program (1m). 10. Memastikan kemudahan awam mencukupi untuk keselesaan (1m)	4x1m [4 markah]
	(b)	i. Dua adab dan etika kesenian Islam. 1. Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan (1m) agar hidup diberkati (1m). 2. Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak (1m) agar tidak mengundang kemurkaan Allah SWT (1m). 3. Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam (1m) agar boleh	2x2m [4 markah] I + H

	menjadi teladan (1m). 4. Sentiasa memelihara ibadah wajib (1m) seperti solat fardu (1m). 5. Mencipta karya yang asli (1m) dengan tidak meniplak hasil orang lain (1m). 6. Berkarya secara sederhana (1m) dengan tidak melampaui batas (1m). 7. Tiada unsur merosakkan akidah (1m) seperti syirik (1m). 8. Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain (1m) kerana boleh mengundang dosa (1m).	
	ii. Dua contoh kesenian yang dibenarkan di dalam Islam. 1. Seni Khat dan Kaligrafi (1m). 2. Seni Reka Fesyen yang menutup aurat (1m). 3. Seni Fotografi gambar yang dibenarkan syarak (1m). 4. Seni Ukiran (1m). 5. Seni Seramik (1m). 6. Seni Bina Bangunan (1m). 7. Seni Suara seperti nasyid, zikir dan tarannum Al-Quran (1m). 8. Seni Lakonan seperti drama yang dibenar syarak (1m).	2x1m [2 markah]
(c)	Dua syarat untuk menjadi khalifah. 1. Seorang Muslim yang Mukmin (1m) supaya takut kepada Allah SWT (1m). 2. Lelaki (1m) kerana sesuai dengan tugas yang berat (1m). 3. Berilmu dan memahami masalah negara (1m) supaya dapat mentadbir dengan baik (1m). 4. Adil dan saksama (1m) supaya semua pihak berpuas hati (1m). 5. Berkemampuan dari segi mental dan fizikal (1m) supaya mampu menjalankan tugas (1m). 6. Berpengaruh dan daripada keturunan yang baik (1m) agar dihormati (1m). 7. Berakhlak mulia dan berani (1m) agar dapat dicontohi (1m).	2x2m [4 markah] I + H
(d)	i. Keistimewaan sistem tersebut. Keputusan yang dicapai hasil mesyuarat bersama, bukannya keputusan yang dibuat oleh individu semata-mata (2m)	1x2m [2 markah]
	ii. Kesan yang akan berlaku sekiranya pemimpin negara mengabaikan sistem tersebut di dalam pemerintahan Islam. Contoh jawapan: Rakyat tidak akan berpuas hati (I) kerana pandangan serta pendapat mereka tidak didengari oleh pemimpin ketika memerintah (HR). Kesannya, akan timbul perbalahan serta negara tidak akan aman harmoni (HL). Kesimpulannya, sebagai pemimpin kita hendaklah menerapkan amalan syura (mesyuarat) dalam pentadbiran agar perjalanan negara berjalan dengan baik (K).	4x1m [4 markah] I + HR + HL + K

SKEMA JAWAPAN TAMAT